

Newspaper	HARAKAH
Date	21 MARCH 2016

# Institusi kerajaan dilemahkan oleh Najib

*Harakah - 21/3/2016*

Oleh NYZA AYOB

**KUALA LUMPUR:** Sungguhpun seseorang Perdana Menteri itu tidak perlu mengikut dasar-dasar Perdana Menteri yang terdahulu dari mereka dan berhak menggubal dasar dan strategi mereka sendiri, rakyat mempunyai hak untuk menilai prestasi mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, hak itu termasuk meluluskan, mengkritik atau menolak kerja-kerja Perdana Menteri, termasuk menumbangkan Perdana Menteri baharu secara aman dan melalui undang-undang.

Katanya lagi, hakikat bahawa Perdana Menteri telah dipilih tidak bermakna beliau tidak boleh disingkirkan sebelum sampai tempohnya kerana mereka yang dipilih telah dibuang atau diberhentikan daripada jawatan atas pelbagai sebab di seluruh dunia berdemokrasi.

Dalam tulisan di blognya, chedet.cc baru-baru

ini, beliau juga berkata, terdapat banyak harapan dalam kalangan rakyat apabila Najib mengambil alih daripada Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang juga seorang Perdana Menteri yang dipilih.

“Harapan rakyat bahawa Najib akan merungkai beberapa dasar Abdullah yang silap dengan cepatnya menjadi pudar. Ini kerana beliau meneruskan dasar-dasar Abdullah yang menyebabkan beliau kehilangan lima negeri pada Pilihan Raya Umum ke-12. Najib juga memperkenalkan dasar-dasar yang menjejaskan kebebasan Malaysia dan menyumbang kepada persepsi negatif terhadap negara ini,” katanya.

Dalam tulisannya itu, Mahathir menyebut, antara dasar yang menyumbang kepada persepsi negatif terhadap negara seperti meminta izin Perdana Menteri Singapura untuk pembinaan jambatan bagi menggantikan tambak (*causeway*) bahagian sebelah Malaysia.

Begitu juga katanya apa-

bila Najib bertanya kepada Perdana Menteri Singapura apabila beliau mahu membina keretapi kelajuan tinggi.

“Dalam kedua-dua kes ini permintaan beliau ditolak. Beliau nampaknya tidak mempunyai kawalan penuh atas segala hal ehwal negara sendiri,” katanya.

Selain itu kata Mahathir, Najib juga mengambil perunding Eropah untuk menasihati mengenai dasar-dasar negara yang melibatkan kos RM 7 bilion.

Bagaimanapun katanya, perunding-perunding itu tidak memahami sifat pelbagai kaum Malaysia dan sensitiviti rakyat yang hasilnya ialah perasaan perkauman yang lebih besar dan ketegangan antara kaum di Malaysia.

Bekas Presiden Umno itu juga menyebut, Najib turut meletak Kementerian Kewangan di bawah bidangnya bersama-sama dengan tugasnya sebagai Perdana Menteri yang memberi beliau kawalan penuh ke atas hal ehwal kewangan kerajaan.